

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN RANGKA TINDAKAN KORIDOR
PEMBANGUNAN SABAH
DI KOTA KINABALU, SABAH
29 JANUARI 2008

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATUK SERI MUSA BIN HAJI AMAN
KETUA MENTERI SABAH

YB MENTERI-MENTERI KABINET PERSEKUTUAN

YB MENTERI-MENTERI KABINET NEGERI SABAH

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN INAYAH-NYA, MAKA DAPAT KITA BERKUMPUL DI MAJLIS YANG PENUH BERMAKNA INI. SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA RAKYAT DAN KEPIMPINAN NEGERI SABAH YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS MENJADI TUAN RUMAH UNTUK ACARA PELANCARAN YANG SERBA CERIA DAN MERIAH INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN

2. SABAH ADALAH NEGERI YANG AMAT BERTUAH. SEBAGAI NEGERI YANG KEDUA TERBESAR DI NEGARA KITA, SABAH TELAH MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG BESAR KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA. KEKAYAAN SUMBER ALAM DI SABAH TELAH MENJANA PERKEMBANGAN EKONOMI YANG BEGITU PESAT. KEPELBAGAIAN BUDAYA, WARISAN, DAN KHAZANAH SEMULAJADI MENJADIKAN SABAH SEBUAH NEGERI YANG BEGITU UNIK DAN MENAWAN.

3. ATAS DASAR INILAH MAKA KITA TELAH MEMUTUSKAN BAHAWA KONSEP PEMBANGUNAN KORIDOR YANG SUDAH PUN DILANCARKAN DENGAN JAYANYA DI SEMENANJUNG, AKAN KITA BAWA KE NEGERI SABAH. NIAT DI SEBALIK USAHA INI ADALAH SUPAYA PEMBANGUNAN NEGARA AKAN TERSEBAR LUAS KE SETIAP PELOSOK TANAH AIR; SUPAYA PELUANG-PELUANG BERMUTU DAPAT DIAGIHKAN DENGAN MELUAS, UNTUK DINIKMATI DAN DIMANFAATKAN OLEH SETIAP WARGA; SUPAYA SETIAP WARGA DAPAT MELANGKAH MAJU DAN HIDUP DALAM SUASANA AMAN, HARMONI, MAKMUR LAGI SEJAHTERA.

4. DENGAN ITU, KITA MAHU SABAH DAPAT TERUS MAJU DAN MEMBANGUN, SEIRING DENGAN NEGERI-NEGERI LAIN. KITA MAHU SABAH BEBAS DARIPADA KEMISKINAN, DAN RAKYATNYA HIDUP DENGAN MAKMUR DAN SEJAHTERA. KITA MAHU SABAH DAPAT MEMBANGUN SECARA TERSUSUN DAN MAPAN, AGAR NIKMAT ALAM SEMULAJADI YANG SEDIA ADA DAPAT DIKEKALKAN UNTUK SEPANJANG ZAMAN.

5. PADA HARI YANG BERSEJARAH INI, KITA AKAN MENYAKSIKAN NEGERI DI BAWAH BAYU INI MEMULAKAN SATU LONJAKAN BESAR; LONJAKAN KE ARAH MENJADI SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG MAJU DAN SEJAHTERA.

6. DALAM MASA 18 TAHUN YANG AKAN DATANG, KITA AKAN MENYAKSIKAN KEBANGKITAN SABAH KE ARAH KEMAJUAN DAN KEGEMILANGAN. KEBANGKITAN INI AKAN BERPAKSIKAN KEPADA LIMA ASPEK YANG AKAN KITA BINA BAGI NEGERI SABAH:

PERTAMA: SABAH SEBAGAI SALAH SATU PINTU GERBANG UTAMA DI RANTAU INI BAGI TUJUAN PERDAGANGAN, PELABURAN, DAN PELANCONGAN;

KEDUA: SABAH SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG HIDUP DALAM SUASANA HARMONI DAN SEJAHTERA TANPA MENGIRA BANGSA MAHUPUN AGAMA;

KETIGA: SABAH SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG MESRA TEKNOLOGI DALAM SEGENAP ASPEK KEHIDUPAN, UNTUK MENJAMIN KUALITI HIDUP YANG LEBIH BERMUTU;

KEEMPAT: SABAH SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG KAYA DENGAN PELUANG PEKERJAAN UNTUK SEMUA; DAN

KELIMA: SABAH SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG SELESA UNTUK DIDIAMI, DENGAN KUALITI HIDUP YANG TINGGI SERTA KEPELBAGAIAN BUDAYA, WARISAN, DAN ALAM SEKITAR.

7. APABILA KITA BERJAYA MEMBINA KELIMA-LIMA ASPEK INI, MAKA KITA AKAN MENYAKSIKAN SATU TRANSFORMASI YANG CUKUP BESAR. PELAKSANAAN KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH, DALAM MASA 18 TAHUN YANG AKAN DATANG, AKAN MERUBAH WAJAH NEGERI INI.

8. PADA TAHUN 2025, EKONOMI NEGERI SABAH AKAN BERKEMBANG DENGAN PESAT. KELUARAN DALAM NEGERI KASAR DIJANGKA MENINGKAT EMPAT KALI GANDA, KEPADA 63.2 BILION RINGGIT MALAYSIA.

9. PADA TAHUN 2025, KEPESATAN EKONOMI INI AKAN MELIMPAHI SELURUH NEGERI SABAH. K.D.N.K. PER KAPITA AKAN MENINGKAT TIGA KALI GANDA, KEPADA 14,800 RINGGIT MALAYSIA.

10. PADA TAHUN 2025, JUMLAH PELUANG PEKERJAAN BARU YANG BAKAL DIJANA OLEH SABAH AKAN MENINGKAT KEPADA 900,000. KADAR PENGANGGURAN PULA AKAN DAPAT DIKURANGKAN DARIPADA 5.8 PERATUS PADA TAHUN 2006, KEPADA 3.5 PERATUS DALAM MASA 18 TAHUN DARIPADA SEKARANG.

11. PADA TAHUN 2025, KITA AKAN DAPAT MENJADIKAN SABAH ANTARA LIMA TEMPAT YANG PALING SELESA DIDIAMI DI BENUA ASIA.

12. DAN YANG PALING UTAMA: PADA TAHUN 2025, KITA AKAN DAPAT MEMBASMI KEMISKINAN SECARA TOTAL.

13. INI BUKANLAH ANGAN-ANGAN. KITA TIDAK BERJANJI KOSONG. WALAUPUN PENUH DENGAN CABARAN, KITA AKAN MEMASTIKAN AGAR PELAKSANAAN KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH INI AKAN BERJAYA, DAN TERUS BERJAYA. INSYA-ALLAH, FAEDAHNYA AKAN MELIMPAHI SELURUH NEGERI SABAH DAN RAKYATNYA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN

14. PELAKSANAAN KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH INI AKAN MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN RAKYAT. TIDAK AKAN ADA MANA-MANA KAUM MAHUPUN KUMPULAN YANG AKAN KETINGGALAN DALAM ARUS PEMBANGUNAN.

15. ATAS DASAR INILAH MAKA SAYA TELAH MENERIMA USUL Y.A.B. KETUA MENTERI AGAR KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH INI DIRANCANG SUPAYA MELIPUTI SELURUH NEGERI SABAH.

16. DI WILAYAH PANTAI BARAT, KITA AKAN BANGUNKAN SUB-KORIDOR INDUSTRI SABAH, DAN ZON AGRO-MAKANAN BAGI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (S.M.E.).

17. DI WILAYAH TENGAH, KITA AKAN BINA ZON AGROPOLITAN DALAMAN, ZON PELANCONGAN DAN PERTANIAN TANAH TINGGI, DAN ZON PERHUTANAN AGRO UTARA.

18. DI WILAYAH TIMUR, KITA AKAN USAHAKAN ZON INDUSTRI DAN PELANCONGAN MARIN, ZON AGRO-MAKANAN BERSEPADU, ZON INOVASI AGRO-BIOTEKNOLOGI, DAN ZON INDUSTRI MINYAK SAWIT.

19. BAGI MEMBASMI KEMISKINAN, KITA AKAN MEMPERLUASKAN PROGRAM-PROGRAM YANG SEDIA ADA, KHUSUSNYA MELALUI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH. DI SAMPING ITU, KONSEP "AGROPOLITAN" AKAN KITA PERLUASKAN BAGI MEMASTIKAN LEBIH RAMAI LAGI RAKYAT NEGERI SABAH YANG MISKIN AKAN DAPAT MENINGKATKAN PENDAPATAN SARA DIRI MEREKA. KEUSAHAWANAN – KHUSUSNYA MELALUI PROGRAM "SATU DAERAH SATU PRODUK" – AKAN TERUS DIGALAKKAN.

20. DI SELURUH NEGERI SABAH, KEMAJUAN AKAN DIKECAPI OLEH SETIAP RAKYAT NEGERI INI: TANPA MENGIRA BANGSA, TANPA MENGIRA BAHASA, TANPA MENGIRA AGAMA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN

21. UNTUK MENCAPAI MATLAMAT PEMBANGUNAN BAGI NEGERI SABAH, RANCANGAN KORIDOR INI AKAN MENUMPUKAN USAHA TERHADAP PEMBANGUNAN SEKTOR PERKHIDMATAN, PERTANIAN SERTA PEMBUATAN.

22. DENGAN PENEKANAN YANG KHUSUS TERHADAP SEKTOR-SEKTOR INI, KITA AKAN DAPAT MEMASTIKAN BAHAWA PEMBANGUNAN KORIDOR INI AKAN DAPAT MENGGERAKKAN TENAGA SEKTOR SWASTA UNTUK BERGANDING BAHU DENGAN KERAJAAN BAGI MEMBANGUNKAN SABAH.

23. BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN, KITA AKAN MENUMPUKAN USAHA TERHADAP PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN SERTA LOGISTIK.

24. DALAM MEMBANGUNKAN SEKTOR PELANCONGAN, SABAH AKAN MENUMPUKAN USAHA TERHADAP MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG ANTARABANGSA. KITA JUGA AKAN MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN EKOLOGI. DESTINASI SEPERTI PULAU SIPADAN, LEMBAH DANUM, DAN TELUK DARVEL, AKAN KITA BANGUNKAN SUPAYA DAPAT MENJADI DESTINASI PELANCONGAN TERKEMUKA DUNIA.

25. SELARI DENGAN USAHA UNTUK MEMBANGUNKAN NEGERI SABAH SEBAGAI SEBUAH DESTINASI PELANCONGAN TERUNGUNGUL, SAYA INGIN MENGUMUMKAN LIBERALISASI SEKTOR PENERBANGAN DI SABAH, DI MANA KERAJAAN AKAN MEMUDAHCARA ("FACILITATE") PERMOHONAN MANA-MANA SYARIKAT PENERBANGAN UNTUK TERBANG KE DESTINASI DI SABAH. INI PASTI AKAN MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI PELANCONG ANTARABANGSA UNTUK DATANG KE SABAH.

26. DI SAMPING ITU, KITA AKAN MEMASARKAN SABAH SEBAGAI SEBUAH DESTINASI PELANCONGAN DESA YANG TERKENAL DI SERATA DUNIA. PEMBANGUNAN SENI KRAFTANGAN TRADISIONAL SERTA PELANCONGAN "HOMESTAY" AKAN DIBERI PERHATIAN.

27. KITA JUGA AKAN MENGGALAKKAN PERKEMBANGAN SEKTOR LOGISTIK DI NEGERI SABAH. TUJUAN UTAMA USAHA INI ADALAH UNTUK MENANGANI KOS TINGGI YANG SERING DIHADAPI OLEH PARA PELABUR DAN PENGUSAHA YANG INGIN MENGIMPORT DAN MENGEKSPORT HASIL BARANGAN MEREKA.

28. PELANCARAN PELABUHAN KONTENA TELUK SAPANGAR PADA HARI INI MERUPAKAN SATU TITIK TOLAK YANG PENTING DALAM USAHA INI. DI SAMPING ITU, SEBUAH ZON BEBAS DICADANGKAN BERDEKATAN DENGAN PELABUHAN INI BAGI MENGGALAKKAN LAGI PERDAGANGAN MELALUI TELUK SAPANGAR. DI PANTAI TIMUR, SANDAKAN AKAN DIJADIKAN SEBUAH PUSAT PERDAGANGAN YANG UTAMA BAGI PULAU BORNEO DAN KAWASAN SEKITARNYA.

29. BAGI SEKTOR PERTANIAN PULA, SABAH AKAN MENINGKATKAN KEMAMPUAN UNTUK MENGHASILKAN MAKANAN SENDIRI, DI SAMPING MENANAM TANAMAN BERNILAI TINGGI UNTUK EKSPORT, SERTA MEMBANTU DALAM USAHA PEMBASMIAN KEMISKINAN.

30. BUAT MASA INI, PENANAMAN SECARA KOMERSIL DI SABAH MASIH TERHAD KEPADA KELAPA SAWIT, GETAH DAN KOKO. KITA AKAN MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK LAGI TANAMAN LAIN YANG BERSIFAT KOMERSIL DAN BERNILAI TINGGI, DI SAMPING MENGGALAKKAN PENANAMAN BERSKALA BESAR BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI.

31. PERUSAHAAN AKUAKULTUR, PERIKANAN LAUT DALAM, PENTERNAKAN, SERTA HORTIKULTUR AKAN TURUT DIGALAKKAN. USAHA INI AKAN DIJALANKAN MELALUI PEMBANGUNAN PRESINT INDUSTRI AGRO SABAH (S.A.I.P.), PUSAT PENTERNAKAN BERSEPADU KENINGAU, TERMINAL MAKANAN LAUT, DAN LAIN-LAIN PROJEK YANG SEUMPAMANYA.

32. PENANAMAN KELAPA SAWIT AKAN TERUS MENJADI SATU PERUSAHAAN UTAMA BAGI NEGERI INI. KITA AKAN MENINGKATKAN LAGI HASIL BAGI TANAMAN INI DENGAN ADANYA PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R & D) KELAPA SAWIT YANG AKAN DIDIRIKAN DI SANDAKAN KELAK. DI SAMPING ITU, PENANAMAN TANAMAN INDUSTRI BARU SEPERTI "JATROPHA" AKAN DIGALAKKAN.

33. BAGI SEKTOR PEMBUATAN, KITA AKAN MENGGALAKKAN SYARIKAT-SYARIKAT BERTARAF DUNIA UNTUK MELABUR DI SABAH, BAGI MENINGKATKAN PERKEMBANGAN INDUSTRI PEMBUATAN HILIRAN. PENEKANAN AKAN DIBERIKAN TERHADAP AKTIVITI PEMBUATAN YANG BERASASKAN SUMBER ASLI SEPERTI KELAPA SAWIT, GALIAN, DAN KAYU KAYAN.

34. PENEKANAN AWAL AKAN DIBERIKAN TERHADAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN MODAL INSAN. DI SAMPING ITU, PEMBANGUNAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (S.M.E.) JUGA AKAN DIBERI PERHATIAN, KHUSUSNYA MELALUI PROGRAM KEPIMPINAN PEMBUATAN S.M.E. YANG BAKAL DILANCARKAN.

35. SELAIN ITU, KAJIAN TERPERINCI AKAN DIJALANKAN BAGI MENGENALPASTI PELUANG BAGI MEMAJUKAN SEKTOR PEMBUATAN DALAM BIDANG MINYAK DAN GAS, "BIOMASS", DAN GALIAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN

36. KITA SEDAR BAHAWA PEMBANGUNAN DI SABAH MEMERLUKAN SATU LONJAKAN BESAR. KITA SEDIA MENYOKONG USAHA MURNI INI, DENGAN MENYEDIAKAN PRASARANA ASAS KE ARAH MENINGKATKAN DAYA SAING BAGI NEGERI SABAH.

37. RANGKAIAN PENGANGKUTAN YANG BAIK ADALAH AMAT MUSTAHAK BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP PENDUDUK TEMPATAN DI SAMPING MEMUDAHKAN URUSAN PERNIAGAAN. MENJELANG TAHUN 2025, KITA AKAN MEMASTIKAN AGAR SEMUA BANDAR-BANDAR UTAMA SERTA PUSAT KUTIPAN HASIL PERTANIAN DI KAWASAN DESA AKAN DIHUBUNGKAN MELALUI JALAN RAYA YANG BERTURAP.

38. KITA JUGA SEDAR BAHAWA KEMUDAHAN ASAS SEPERTI BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR AMAT PENTING BAGI MENJAMIN KUALITI HIDUP YANG BERMUTU. MENJELANG TAHUN 2025, KITA AKAN MEMASTIKAN AGAR SEMUA RAKYAT DI NEGERI SABAH AKAN MENDAPAT BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR YANG STABIL.

39. BAGI MEMACU KEMAJUAN DI NEGERI SABAH, PENEKANAN KHUSUS PERLU DIBERIKAN TERHADAP PERKEMBANGAN EKONOMI PENGETAHUAN ("KNOWLEDGE ECONOMY"). MENJELANG TAHUN 2025, KITA INGIN MEMASTIKAN AGAR CAPAIAN KEPADA PERKHIDMATAN DATA JALUR LEBAR ("BROADBAND DATA") DI NEGERI SABAH ADALAH HAMPIR SETARA DENGAN NEGERI-NEGERI LAIN.

40. SECARA KHUSUSNYA, PEMBANGUNAN DI NEGERI SABAH AKAN BERGANTUNG KEPADA PENINGKATAN MODAL INSAN. DALAM HAL INI, SABAH AKAN MENUMPUKAN USAHA TERHADAP MENDIDIK DAN MELATIH LEBIH RAMAI LAGI PEKERJA BERKEMAHIRAN AGAR PEMBANGUNAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN, PERTANIAN DAN PEMBUATAN AKAN DAPAT DIPERHEBATKAN LAGI.

41. DALAM PADA ITU, SEBUAH HAB PENDIDIKAN AKAN DIBANGUNKAN DI SANDAKAN BAGI MELATIH LEBIH RAMAI LAGI PEKERJA YANG BOLEH BERKHIDMAT DALAM SEKTOR EKONOMI MAKLUMAT. HAB PENDIDIKAN SANDAKAN AKAN MENJADI PUSAT PENDIDIKAN SERTA PENYELIDIKAN, KHUSUSNYA BAGI SEKTOR BIOTEKNOLOGI, MINYAK SAWIT, SERTA PEMBUATAN HILIRAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN

42. KITA AKAN MEMASTIKAN AGAR KORIDOR PEMBANGUNAN INI AKAN DAPAT MEMBAWA SABAH SUPAYA SETANDING DENGAN ARUS PERDANA DI NEGARA KITA DAN DI RANTAU INI.

43. SEBAGAI TANDA KOMITMEN KERAJAAN TERHADAP PEMBANGUNAN DI NEGERI SABAH, SAYA DENGAN SUKACITANYA MENGUMUMKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH LIMA BILION RINGGIT, UNTUK DISALURKAN KEPADA PROJEK-PROJEK BERIMPAK TINGGI YANG TELAH DIKENALPASTI DALAM JANGKA MASA RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. PERUNTUKAN INI AKAN DISEDIAKAN MELALUI KAJIAN SEMULA PROJEK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, SERTA PENAMBAHAN PERUNTUKAN SEMASA KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN NANTI. KERAJAAN JUGA AKAN MENGUMUMKAN PAKEJ GALAKAN INSENTIF UNTUK MEMACU PERKEMBANGAN SEKTOR DAN PROGRAM YANG TELAH DIKENALPASTI DALAM RANCANGAN KORIDOR INI.

44. SAYA JUGA INGIN MENGUMUMKAN BAHAWA SEBUAH BADAN PELAKSANA KHAS – IAITU PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH (ATAU "SEDIA") – AKAN DITUBUHKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG NEGERI SABAH UNTUK MELAKSANA DAN MEMANTAU PERJALANAN RANCANGAN KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH. SAYA JUGA INGIN MENGINGATKAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT – PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI, PIHAK SWASTA SERTA PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN – AGAR MEMBERIKAN KERJASAMA SEPENUHNYA KEPADA BADAN PELAKSANA YANG BAKAL DITUBUHKAN INI. INI ADALAH PERLU BAGI MENJAMIN KEJAYAAN KORIDOR INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN

45. PERANCANGAN TELAH DILAKUKAN DENGAN BEGITU TELITI DAN MENYELURUH. HARAPAN RAKYAT BEGITU BESAR. IMPIAN KITA PADA HARI INI, INSYA-ALLAH AKAN MENJADI KHAZANAH GEMILANG YANG AKAN KITA WARISKAN UNTUK ANAK CUCU KITA NANTI.

46. MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGIKAT NIAT, MEMBULATKAN TEKAD, SERTA MEMBANTING KUDRAT UNTUK MENJAYAKAN USAHA MURNI INI.

47. SEMOGA USAHA IKHLAS INI AKAN DIBERKATI, DILIMPAHI DAN DILINDUNGI ALLAH S.W.T. JUA. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN RANGKA TINDAKAN KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH.

SEKIAN, TERIMA KASIH.